



**JOURNAL OF TOURISM,
HOSPITALITY AND
ENVIRONMENT MANAGEMENT
(JTHER)**
www.jther.com



DI SEBALIK IDEA DAN PENGARUH MUSEOLOGI DALAM INSTITUSI PERMUZIUMAN DUNIA DAN MALAYSIA

BEHIND THE IDEA AND INFLUENCE OF MUSEOLOGY IN THE WORLD AND MALAYSIAN MUSEUM INSTITUTIONS

Mohd Syafiq Zaini^{1*}, Mohd Sohami Esa^{2*}, Saifulazry Mokhtar³, Irma Wani Othman⁴

¹ Pascasiswazah, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah.

Email: syafiqzaini120398@gmail.com

² Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia

Email: msahimi@ums.edu.my

³ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia

Email: saifulazry.mokhtar@ums.edu.my

⁴ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia

Email: irma@ums.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 15.09.2022

Revised date: 10.10.2022

Accepted date: 30.11.2022

Published date: 15.12.2022

To cite this document:

Zaini, M. S., Esa, M. S., Mokhtar, S., & Othman, I. W. (2022). Di Sebalik Idea dan Pengaruh Museologi Dalam Institusi Permuziuman Dunia dan Malaysia. *Journal of Tourism Hospitality and Environment Management*, 7 (30), 118-135.

DOI: 10.35631/JTHER.730010

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Museologi secara dasarnya merupakan satu bidang pengajian merujuk kepada institusi permuziuman. Dari aspek sejarah serta falsafah asasnya, matlamat serta dasar dan fungsi mereka sama ada dari sudut pendidikan, politik atau pun peranan sosial. Museologi boleh dikatakan satu disiplin yang abad baru di mana meluas sebahagian besarnya adalah produk intelektual abad ke-20. Namun demikian, dikenal pasti kewujudan fahaman Museologi ini sekurang-kurangnya pada sejak abad ke-17 di mana perkembangan idea museologi ini dilihat ketara muncul telah terjalin seiring dengan perkembangan awal muzium. Dalam tempoh masa itu, museologi telah membantu perkembangan institusi muzium sama ada dari segi konsep ataupun dari aspek pengurusan muzium. Perubahan muzium daripada institusi yang hanya tertumpu kepada pemuliharaan dan pemulihan koleksi artifak sahaja, kini mereka berorientasikan masyarakat (*community oriented*), menjadi ruang pameran dan platform untuk dialog dan komunikasi secara umum bersama para pengunjung. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menganalisis terhadap data-data kajian perkembangan museologi dalam bidang permuziuman. Tumpuan kajian memfokuskan kepada definisi, latar belakang serta apakah signifikan dan pengaruh museologi dalam institusi muzium di Malaysia. Hasil kajian menunjukkan bahawa museologi memberikan signifikan dari aspek teoretikal dan praktikal muzium. Amalan praktikal menjadi keutamaan dalam pengurusan kerja muzium melahirkan golongan profesional dalam bidang

muzium manakala teoretikal yang ada akan berperanan sebagai kritikan yang diperlukan untuk melaksanakan penambahbaikan dan panduan terhadap pengurusan muzium agar fungsi muzium sebagai institusi warisan khazanah dapat terlaksana dengan baik. Selain itu, museologi juga telah menerapkan pemikiran kritis terhadap isu-isu sosial dan politik. Di dalam konteks Malaysia, museologi telah menggesa penyingkiran segala pengaruh kolonial di dalam institusi muzium melalui pelaksanaan dekolonisasi selepas negara mengecapi kemerdekaan. Kemudiannya merubah muzium daripada bersifat kolonialisme, kini telah dijadikan sebagai alat untuk pembangunan bangsa dalam menyatupadukan masyarakat yang berbilang bangsa dan budaya.

Kata Kunci:

Museologi, Perkembangan Muzium, Berorientasikan Masyarakat, Dekolonisasi, Pembangunan Bangsa

Abstract:

Museology is basically a field of study referring to museum institutions. From the historical aspect as well as their basic philosophy, their goals and policies and functions either from the point of view of education, politics or even social roles. Museology can be said to be a relatively new discipline whose prevalence is largely an intellectual product of the 20th century. However, it is certain that the concept of Museology has existed at least since the 17th century, where the development of the idea of museology appears to have developed along with the early development of the museum. During that period of time, museology has helped the development of museum institutions either in terms of concept or in terms of museum management. The change of museums from institutions that are only focused on the conservation and restoration of artefact collections, now they are community-oriented (community-oriented), becoming exhibition spaces and platforms for dialogue and communication in general with visitors. This study uses a qualitative method by analysing the data of studies on the development of museology in the field of museology. The focus of the study focuses on the definition, background and what is the significance and influence of museology in museum institutions in Malaysia. The results of the study show that the museum provides significant theoretical and practical museum aspects. Practical practice is a priority in the management of museum work to produce professionals in the field of museums while the existing theoretical will play a role as criticism needed to implement improvements and guidance to museum management because the museum's function as a treasure heritage institution can be implemented well. In addition, museology has also applied critical thinking to social and political issues. In the context of Malaysia, museology has called for the removal of all colonial influences in museum institutions through the implementation of decolonization after the country achieved independence. Then it changed the museum from colonialism, now it has been used as a tool for nation building in uniting a multi-ethnic and cultural society.

Keywords:

Museology, Museum Development, Community Oriented, Decolonization, Nation Building

Pengenalan

Muzium dikategorikan sebagai sebuah institusi yang didedikasikan untuk menjaga, memelihara, dan mentafsir segala bukti warisan sama ada warisan ketara (*tangible*) atau tidak ketara (*intangible*) (Britannica, 1999). Perkataan muzium berasal daripada perkataan Yunani iaitu *mouseion*, yang menandakan tempat atau kuil suci yang didedikasikan untuk *Muses* (Simmons, 2017). Muzium di zaman purba klasik dapat dibuktikan dengan penemuan muzium kuno yang ditubuhkan di Alexandria oleh Ptolemy Mesir pada awal abad ke-3 sebelum masehi. Konsep muzium awal pada ketika itu lebih kepada perpustakaan dan tempat untuk penyelidikan para sarjana berkumpul serta bertukar-tukar pandangan (Nor Hanisah, n.d.). Kemudian konsep muzium beralih kepada aktiviti pengumpulan objek-objek. Muzium moden kini dikenali sebagai pusat mengumpul, memelihara, mentafsir, dan mempamerkan objek seni, budaya, atau saintifik untuk kajian dan pendidikan orang ramai. Dari perspektif pengunjung atau komuniti, tujuan ini juga boleh bergantung pada sudut pandangan seseorang. Lawatan ke muzium seperti muzium sejarah tempatan atau muzium seni di bandar besar boleh menjadi cara yang menghiburkan dan sebagai aktiviti pengisian masa lapang sama ada sendirian mahupun bersama keluarga. Bagi pemimpin, komuniti institusi muzium yang aktif boleh dilihat sebagai pusat mempromosikan imej budaya dan khazanah negara kepada para pelancong dan seterusnya membantu penjaan ekonomi sesebuah bandar atau negara. Bagi ahli profesional muzium pula, mungkin melihat muzium sebagai sebuah institusi penting dalam cara untuk mendidik orang ramai tentang misi muzium, seperti menjaga serta penyebaran pengetahuan terhadap warisan sejarah dan budaya, isu-isu sosial yakni hak sivil atau pendedahan terhadap kepelbagaian alam sekitar. Muzium membolehkan orang ramai meneroka koleksi untuk inspirasi, pembelajaran dan keseronokan. Menurut *International Council of Museums* (ICOM), mendefinisikan muzium sebagai sebuah institusi yang tidak menjana keuntungan, terbuka kepada orang ramai, kekal dalam perkhidmatan masyarakat dan pembangunannya, yang memperoleh, memelihara, menyelidik, berkomunikasi dan mempamerkan warisan manusia yang ketara dan tidak ketara serta persekitarannya untuk tujuan pendidikan, belajar dan keseronokan (*International Council of Museum*, 1990). Terdapat banyak jenis muzium, daripada koleksi yang sangat besar di bandar-bandar utama, meliputi banyak kategori, kepada muzium yang sangat kecil yang meliputi sama ada lokasi tertentu secara umum, atau subjek tertentu, dan individu tokoh yang terkenal. Menurut George Brown Goode (1896), muzium boleh diklasifikasikan melalui dua cara. Pertamanya adalah dikategorikan berdasarkan kandungan koleksi, tema dan jenis sesebuah muzium dan keduanya dikategorikan muzium berdasarkan tujuan sesebuah muzium itu diasaskan. Berdasarkan kategori yang pertama terdapat beberapa pengelasan muzium yang terbahagi kepada beberapa jenis. Di antara muzium tersebut adalah seperti Muzium Am, Muzium Sejarah, Muzium Seni, Muzium Sains dan Teknologi dan Muzium Alam Semula Jadi. Manakala berdasarkan kategori kedua pula, muzium diasaskan berlandaskan beberapa kelas iaitu sebagai Muzium Negara (National Museum), Muzium lokal, negeri atau daerah, Muzium universiti, dan Muzium Professional atau Swasta.

Metodologi Kajian

Metodologi kajian di dalam artikel ini menggunakan kaedah penyelidikan bersifat kualitatif yakni naratif perbincangan secara deskriptif analitikal di dalam penulisan artikel ini. Menurut Moleong (2013), mendefinisikan penelitian kualitatif sebagai penelitian yang bertujuan untuk memahami fenomena tentang apa yang dialami oleh subjek penelitian seperti aktor, persepsi, motivasi, tindakan dan lain-lain secara holistik dan deskriptif dalam bentuk kata dan bahasa dalam konteks semula jadi yang khusus dan dengan memanfaatkan berbagai kaedah saintifik.

Menurut Mulyana (2008) pula menyatakan, penyelidikan kualitatif sebagai penyelidikan yang menggunakan kaedah saintifik untuk mendedahkan sesuatu fenomena dengan menghuraikan data dan fakta melalui perkataan secara keseluruhan kepada subjek kajian. Skop masa bagi kajian ini akan menumpukan masa di antara abad ke-17 dan abad ke-21. Abad ke-20 diambil sebagai pemula kajian kerana dipercayai bermulanya fahaman *museology* ini, dan kemudiannya melihat bagaimana fahaman tersebut mempengaruhi institusi muzium pada abad ke-21. Seterusnya data kajian kualitatif yang diperolehi adalah bersifat deskriptif, seperti rekod pemerhatian, penelitian dokumen, penulisan artikel atau jurnal, kertas penyelidikan dan data dianalisis secara induktif (Mohajan, 2018). Di dalam kajian ini lebih tertumpu kepada dapatan sumber sekunder. Pemilihan sumber sekunder terhadap penyelidikan terdahulu dan terkini yang berkaitan dengan bidang kajian muzium iaitu istilah *Museology*. Dari aspek sejarah, latar belakang kemunculan idea dan signifikan museologi ini. Sebagai contoh, sumber yang di rujuk daripada penulisan ilmiah daripada pakar bidang muzium seperti George Brown Goode, John Simmons, Francis Bacon, Abu Talib Ahmad Selain itu, turut meneliti dokumen-dokumen rasmi serta terbitan penulisan ilmiah dari *International Committee for Museology (ICOFOM)* dan *International Council of Museums (ICOM)*.

Persoalan dan Objektif Kajian

Institusi muzium telah lama wujud sejak zaman purba klasik lagi dan mengalami perubahan yang signifikan dari semasa ke semasa sama ada dari konsep dan pelaksanaan pengurusan. Perubahan paradigma ini didorong dan dipengaruhi oleh idea fahaman Museologi. Walau bagaimanapun, tidak ramai yang mengetahui berkenaan kewujudan istilah atau idea fahaman Museologi ini di dalam institusi permuziuman. Muzium seringkali digambarkan sebagai sebuah bangunan lama yang menjaga artifak dan bahan-bahan lama (Jabatan Muzium Malaysia, 2022). Institusi muzium tidak hanya terikat sebagai pusat penyimpanan bahan-bahan lama sahaja, malah peranan muzium telah berkembang menelusuri perkembangan semasa seiring dengan fahaman Museologi. Fahaman Museologi membantu dalam menambah baik segala kelemahan di dalam institusi muzium dan menjadikan sebagai sebuah pusat yang menyumbang kepada masyarakat (Francis Bacon, 1873). Muzium pada hari ini tidak hanya menjaga artifak dengan meletakkan koleksi artifak atau objek tersebut di dalam kotak kaca dan hanya berorientasi pada pengamanaan objek di galeri begitu sahaja (Zaini & Rakan-rakan, 2022). Peranan muzium kini semakin meluas sebagai pusat pendidikan dan berorientasikan masyarakat, di mana ia memberikan ruang dan peluang kepada para pengunjung untuk mempelajari, mengkaji, memberikan dan memberikan pandangan terhadap apa yang dibentangkan oleh kurator (Ahmad Farid & Rakan-rakan, 2019).

Dalam penjagaan dan pemuliharaan artifak pula, ia memerlukan satu prosedur pengurusan yang ketat, teliti serta cekap yang memerlukan tahap kepakaran yang tinggi agar dapat memanjangkan jangka hayat suatu koleksi artifak itu (Geoffrey Lewis, 2004). Sebagai contoh, pengurusan dari aspek pendokumentasian, penjagaan dan pemuliharaan artifak, pengurusan pameran galeri, pemasaran dan sebagainya. Kesemua elemen dalam pengurusan ini memainkan peranan tugas serta penting antara satu sama lagi agar fungsi muzium sebagai institusi warisan khazanah dapat terlaksana dengan baiknya. Maka satu kajian perlu untuk memperlihatkan sejauh manakah fahaman Museologi ini mempengaruhi institusi muzium kini. Oleh hal yang demikian, kajian ini dilakukan berdasarkan kepada beberapa persoalan. Persoalan pertama ialah, apakah definisi makna sebenar istilah Museologi? Bagaimanakah latar belakang atau sejarah yang mendorong kepada kemunculan istilah serta idea Museologi ini? Apakah signifikan idea Museologi di dalam institusi muzium dan pengaruhnya di dalam

pengurusan muzium di Malaysia? Selain itu, bagi merungkai persoalan-persoalan tersebut, terdapat beberapa objektif kajian dalam penyelidikan ini. Di antara objektif tersebut adalah untuk meneliti definisi makna dan sejarah latar belakang kemunculan istilah Museologi. Kemudian, membincangkan signifikan Museologi di dalam institusi muzium. Akhirnya, mengenal pasti pengaruh idea Museologi di dalam pengurusan muzium di Malaysia.

Sorotan Literatur

Dunia muzium telah mengalami perubahan radikal sejak 1970-an. Tekanan politik dan ekonomi telah memaksa pengurusan profesional muzium mengalihkan perhatian mereka daripada pusat pengumpulan koleksi lama kepada sebuah institusi berfokuskan terhadap masyarakat. Walaupun pada masa lalu muzium ini cenderung dan eksklusif hanya kepada golongan elitis, kini muzium menunjukkan perubahan yang progresif ke arah dampak positif. Menurut Max Ross menerusi penulisan yang bertajuk *Interpreting the new museology*, berpendapat bahawa perubahan institusi muzium pada 1970-an adalah disebabkan oleh pengaruh fahaman Museologi. Konsep muzium dahulu yang bersikap elitis ini dianggap memberikan dampak yang negatif dan mampu menyebabkan perpecahan. Misalnya dapat dilihat kepada fenomena *The Cabinets of Curiosities*, yang mana pada ketika hanya dilakukan oleh golongan elit serta bepengaruh seperti golongan aristokrat, bangsawan para ilmuwan, keluarga istana, dan ahli-ahli gereja (Emily Gartner, 2019). Golongan-golongan ini hanya menganggap pengumpulan koleksi sebagai hobi dan sebagai simbol kekayaan dan status sosial seseorang (Nor Hanisah, n.d). Keadaan ini menggambarkan wujudnya jurang kelas sosial dalam kalangan masyarakat. Para profesional bidang muzium menganggap ia tidak sesuai dengan keperluan masyarakat pada hari ini yang terdiri daripada masyarakat majmuk dan pelbagai budaya. Muzium, diujahkan, mesti menghilangkan imej dan pandangan elitis ini, dan meninggalkan visi sejarah yang monolitik, agar institusi muzium kekal bertahan dan relevan dalam memberikan dampak yang positif kepada masyarakat (Max Ross, 2004). Inilah apa yang ingin diperjuangkan di dalam idea fahaman Museologi. Menurut John Simmons dan Latham (2019), menerusi penulisan bertajuk *Whither Museum Studies?*, menyatakan bahawa Museologi (kajian muzium) berdiri teguh sebagai bidang akademik untuk kajian sejarah dan fungsi muzium serta peranannya dalam masyarakat. Walaupun sejarahnya yang panjang, museologi sering disalah ertikan untuk memberi tumpuan kepada amalan muzium apabila, sebenarnya, ia meneroka semua isu teori dan praktikal dalam muzium dan isu situasi muzium dalam sekeliling masyarakat.

Dari aspek perkembangan institusi muzium di Malaysia, telah memperlihatkan perubahan yang mana asalnya bersifat kolonialisme, kini telah dijadikan sebagai alat untuk pembangunan bangsa (*Nation Building*) (Abu Talib Ahmad, 2015). Pemansuhan pengaruh kolonial ini dibuat menerusi dekolonisasi terhadap institusi muzium di Malaysia selepas mengecapi kemerdekaan. Penulisan yang bertajuk *Perkembangan Institusi Muzium Eropah Dalam Mempengaruhi Kewujudan Muzium Di Malaysia*, mengkaji bagaimana wujudnya pengaruh kolonial di dalam institusi muzium di Malaysia. Dapat dikenal pasti pengaruh kolonial dibawah oleh British semasa penjajahannya ke atas Tanah Melayu. Hal ini menyebabkan berlakunya pentafsiran artifak, sejarah, warisan dan budaya yang bersifat *euro-centric*. Maka dengan itu, dekolonisasi dilaksanakan bertujuan mengembalikan fakta dan maklumat sejarah yang betul berdasarkan menerusi sudut pandang serta pengetahuan masyarakat tempatan itu sendiri.

Selain itu, pengaruh Museologi telah mengubah landskap peranan muzium yang tidak hanya berfokuskan kepada penjagaan dan pemuliharaan koleksi artifak atau objek semata-mata. Kini

muzium lebih bersifat terbuka dan berorientasikan masyarakat. Muzium memberikan peluang kepada semua lapisan masyarakat untuk berinteraksi dalam memberikan pendapat dan mewakili kelompok masyarakat mereka bagi mengelakkan diskriminasi dan ketidaksemaan dalam masyarakat (Sandell, 2007). Ini amat dititikberatkan di dalam Malaysia sebagai sebuah negara yang terdiri daripada kepelbagaian bangsa dan budaya. Selain daripada menjadi pusat mengumpul, menjaga dan memulihara artifak, muzium ditugaskan sebagai *one stop centre*, yakni pusat penyelidikan seni, sejarah dan warisan (Baharuddin Mohd Arus, 2017). Muzium juga dijadikan sebagai pusat pendidikan informal yang bertanggungjawab sebagai agen menyebarkan ilmu pengetahuan dan kefahaman sejarah, budaya dan warisan bangsa. (Mohd Azmi & Miti Fateema, n.d.). Di dalam konteks Malaysia, muzium telah dijadikan sebagai institusi penyatuan masyarakat yang berbilang kaum, dan agama (Kalb, 2008). Melalui kepelbagaian bahan pameran artifak yang diperagakan di dalam muzium diibaratkan sebagai institusi terbuka dalam menyemai semangat kekitaan dalam kalangan masyarakat. Secara tidak langsung ia dapat memberi peluang kepada setiap anggota masyarakat, mengenali budaya sendiri atau bangsa lain dan seterusnya menyatupadukan masyarakat.

Definisi Museologi

Secara etimologi, perkataan *Museology* adalah gabungan daripada dua perkataan iaitu 'Museo' dan 'logy' (Amit Soni, 2004). 'Museo' berasal dari perkataan *museum* manakala 'logy' adalah berasal dari bahasa Yunani, di mana ia mempunyai makna "perkataan.". Ia dilampirkan pada akar untuk membentuk kata nama dengan makna yang merujuk kepada sesuatu "bidang pengajian atau disiplin ilmu". Di antara perkataan lain yang menggunakan istilah ini seperti *biology*, *astrology*, *geology* dan sebagainya. Terdapat beberapa pandangan dan pendapat para sarjana dalam mentakrifkan istilah Museologi ini. Dari segi definisi kamus, museologi adalah merupakan sebuah bidang kajian sistematik tentang organisasi, pengurusan, dan fungsi sesebuah muzium. Ia meneroka pelbagai aspek berkaitan institusi muzium seperti sejarah muzium dan peranannya dalam masyarakat, serta aktiviti yang dilaksanakan, termasuk penyusunan, pemeliharaan, dan pendidikan. Menurut Paulette Dellios (1999), menyatakan bahawa museologi digambarkan sebagai "satu bidang sains atau kajian yang berkaitan dengan pengurusan, organisasi dan peralatan muzium. Avgram Razgon (1980), berpendapat bahawa museologi adalah sebuah cabang saintifik bebas yang mengkaji proses pemeliharaan maklumat sosial, pengetahuan tentang dunia dan penyampaian serta pemindahan ilmu pengetahuan dan emosi melalui objek di muzium. Manakala Peter Vergo (1989), mentakrifkan secara mudah istilah Museologi itu merujuk kepada kajian muzium, dari aspek sejarah serta falsafah asasnya, kepelbagaian cara yang diguna pakai menelusuri masa penubuhan institusi muzium dan matlamat serta dasar dan fungsi mereka sama ada dari sudut pendidikan, politik atau pun peranan sosial institusi muzium. Menurut Jabatan Muzium Malaysia, museologi merangkumi pelbagai aspek yang saling berkaitan untuk membangun dan menubuhkan pusat pengumpulan dan pendidikan warisan negara. Oleh itu, dapatlah disimpulkan bahawa muzium adalah kenderaan yang menghubungkan antara warisan tamadun silam dan masyarakat (Jabatan Muzium Malaysia, 2022). Jawatankuasa Antarabangsa Museologi (ICOFOM) pula memahami museologi sebagai kajian, teori, dan falsafah bidang muzium dan etika amalan dan fungsinya. Ia merangkumi teori dan amalan muzium serta refleksi kritis terhadap muzium dan bidang ilmu yang ada untuk refleksi ini.

Perkataan museologi yang digunakan untuk menggambarkan kajian muzium dilihat berbeza-beza bergantung pada bahasa dan geografi di mana istilah ini diguna pakai. Sebagai contoh, sementara "museologi" semakin meluas digunakan di dalam bahasa Inggeris, ia paling popular

digunakan untuk merujuk kepada kajian muzium dalam bahasa bukan Inggeris, misalnya bahasa Perancis (*muséologie*), Sepanyol (*museología*), Jerman (*Museologie*), Itali (*museologia*), dan Portugis (*museologia*). Manakala penutur bahasa Inggeris lebih kerap menggunakan istilah “muzium kajian” atau *Museum Studies* untuk merujuk kepada bidang pengajian yang sama (Oonagh Murphy, 2018; Britannica, 2021). Apabila merujuk kepada gerak kerja pengoperasian harian, bahasa Eropah yang lain biasanya menggunakan derivatif daripada perkataan “*museographia*” Yunani (Bahasa Perancis: *muséographie*, Sepanyol: *museografía*, Jerman: *Museographie*, Itali: *museografia*, Portugis: *museografia*), manakala penutur bahasa Inggeris biasanya menggunakan istilah “*museum studies*” atau “*operational museology*”. Masih tiada sumber yang jelas menyatakan pada waktu bilakah penggunaan istilah *Museum Studies* ini mula digunakan untuk program akademik muzium. Namun, ia dikenal pasti semakin popular di Amerika Syarikat, Kanada dan United Kingdom selepas Perang Dunia II. Secara kesimpulannya, dapat dilihat terdapat sedikit perbezaan dalam pendapat dan pandangan para sarjana dalam mentakrifkan istilah museologi ini. Namun begitu, persamaan daripada pandangan mereka itu bersetuju bahawa museologi adalah sebuah bidang yang mengkaji muzium sama ada dari aspek, teori, sejarah, praktikal, fungsi dan peranannya dalam konteks sezaman. Maka dengan itu, secara dasarnya istilah museologi ini adalah merupakan satu bidang pengajian merujuk kepada institusi permuziuman.

Kemunculan Istilah Museologi

Fahaman Museologi boleh dikatakan satu disiplin yang abad baru di mana sebahagian besarnya adalah produk intelektual abad ke-20. Walau bagaimanapun, idea mendasari istilah museologi atau *muzium studies* telah lama ada, sekurang-kurangnya sejak abad ke-17. Perkembangan idea museologi ini dilihat ketara muncul telah terjalin seiring dengan perkembangan awal muzium. Secara khususnya semasa Zaman Pencerahan (*The Age of Enlightenment*), di mana pada waktu ketika itu, golongan intelektual akademik seperti ahli antropologi, naturalis, dan pengumpul hobi menggalakkan pertumbuhan muzium awam yang memaparkan tinggalan sejarah, objek semula jadi dan seni etnografi di Amerika Utara dan Eropah. Ini muncul selepas timbulnya kesedaran terhadap kepentingan institusi muzium kepada masyarakat dan kelemahan yang dilihat di dalam pengurusan *The Cabinet of Curiosities*¹ yang diamalkan pada kurun sebelumnya. Menurut, David Murray, *The Cabinet of Curiosities* adalah pelopor dan diklasifikasikan sebagai pra muzium kepada muzium moden kini. *The Cabinet of Curiosities* satu fenomena di mana golongan-golongan elit dan ahli akademik mengumpul segala objek-objek pelik serta unik yang ditemui hasil daripada penjelajahan mereka ke wilayah lain dan kemudiannya diletakkan di dalam sebuah bilik atau kabinet untuk diperagakan.

¹ The Cabinet of Curiosities (dikenali Cabinets of Wonder, wonder-rooms dan Wunderkammer) menggambarkan sebuah ruangan bilik yang menempatkan objek-objek yang terkenal dan pelik. Bukannya perabot seperti mana terjemahan terus daripada perkataan Cabinet. Bilik-bilik ini merupakan koleksi ensiklopedia pelbagai objek menarik dari seluruh dunia seperti barangan yang ditemui dalam alam semula jadi, barangan antik dan seni. Terminologi moden akan mengkategorikan koleksi objek yang dikumpul adalah seperti sejarah semula jadi (ada kalanya dipalsukan), geologi, etnografi, arkeologi, peninggalan agama atau sejarah, karya seni (termasuk lukisan kabinet), dan barang antik. British Library Board, Cabinet of Curiosities, Dari : <https://www.bl.uk/learning/timeline/item107648.html>.



Foto 1: Ilustrasi gambaran *The Cabinet of Curiosities*.

Sumber: Sotheby's Institute of Art. *Cabinets of Curiosities and The Origin of Collecting*. Dari: <https://www.sothebysinstitute.com/news-and-events/news/cabinets-of-curiosities-and-the-origin-of-collecting>.



Foto 2: Ilustrasi Museum Wormanium

Sumber: Worm, Ole. 1655. *Museum Wormianum*. Leiden, Netherlands: Jean Elzevir, Dari: <https://digital.sciencehistory.org/works/rv042t91s>.

Menjelang abad ke-18 semasa zaman pencerahan, kelemahan dalam pengurusan *The Cabinet of Curiosities* menyebabkan semakin berkurang popularitinya serta dianggap semakin lapuk dan ketinggalan. Francis Bacon (1873), seorang pakar falsafah sains moden telah mengkritik bahawa konsep *The Cabinet of Curiosities* dianggap tidak mendatangkan apa-apa manfaat kepada masyarakat. Hal ini demikian kerana ia dilihat bersifat inklusif (tertutup), lebih kepada kepuasan hati kurator itu sendiri dalam menunjukkan prestij mereka (Peter Vergo, 1989). Selain itu, sistem pengurusan *The Cabinet of Curiosities* tidak sistematik dan bercampur baur. Steven Mullaney, (1995) berpendapat bahawa perlunya wujud suatu sistem yang teratur dan tersusun agar segala objek yang disimpan mengikut pengkategorian dan memberikan manfaat kepada masyarakat. Sistem pengurusan yang sistematik ini akan dapat menghasilkan sebuah penceritaan dan penyampaian maklumat yang berkesan bagi setiap objek atau artifak yang diperagakan di dalam muzium. Agar para pengunjung yang datang dapat menghayati, memahami, melihat dan belajar daripada koleksi objek tersebut. Sejak dari itu, ia telah menjadi pemula kepada berlakunya perubahan di dalam pengurusan institusi muzium. Segala kelemahan dan kritikan yang dikenal pasti menerusi *The Cabinet of Curiosities*, serba sedikit telah mendorong kepada cetusan idea yang mendasari istilah museologi.

Pada sebahagian besar abad ke-19, apabila benua Eropah menyaksikan percambahan pesat muzium. Bermula dari Muzium British merupakan muzium moden yang pertama dibuka kepada orang ramai pada tahun 1759 dan semakin mendapat sambutan tinggi daripada masyarakat ramai. Dalam pada masa muzium berkembang ini, masih tidak wujud secara meluas berkenaan ilmu pengetahuan mahupun latihan formal berkaitan bidang muzium. Istilah museologi yang sedia ada ketika itu, biasanya difahami sebagai bidang 'penerangan muzium',

yang terdiri daripada 'arahan tentang muzium, gerak kerja' atau memfokuskan 'sejarah muzium' (Maroevic, 1998). Pada akhir abad ke-19, museologi telah menjadi satu himpunan ilmu pengetahuan berbeza yang digunakan bertujuan untuk meningkatkan kerja-kerja dan pengurusan berkaitan hal di dalam institusi muzium. Museologi secara semula jadi adalah campuran di antara bidang ilmu sains dan kemanusiaan. Museologi ialah istilah komprehensif yang merangkumi kedua-dua aspek teori dan praktikal pengurusan muzium. Tujuan dan sifat muzium sebagai institusi pendidikan, peranannya dalam perspektif sejarah dan sosial adalah pertimbangan asas untuk kajian mereka membentuk sudut teori. Memahami museologi sebagai bidang kajian yang berkaitan dengan 'masalah di sekeliling organisasi muzium dan situasinya dalam masyarakat' (Aquilina, 2011).

Pada tahun 1965, Zbynek Stransky telah menerbitkan sebuah penulisan yang menggariskan rangka panduan mengenai sistem museologi yang telah dibangunkannya mengikut prinsip epistemologi. Pada tahun 1971 Museologi secara rasmi diiktiraf sebagai disiplin akademik oleh ICOM, dan, akhirnya, pada tahun 1977 Jawatankuasa Antarabangsa untuk Museologi telah diasaskan (Friedrich Waidacher, 1997). Zbyněk Zbyslav Stránský ialah seorang ahli muzium Czech. Beliau dianggap sebagai "bapa muzium saintifik". Di antara tempoh tahun 1960 dan 1970, beliau bertanggungjawab dalam salah satu percubaan pertama untuk menstruktur asas teori bagi bidang ilmu museologi. Zbyněk Z. Stránský, adalah perintis dalam pembinaan museologi yang diilhamkan sebagai sains sosial, mewujudkan sistem pemikiran autonomi berdasarkan konsep tertentu. Pada tahun 1980 sehingga 1990, Stránský adalah ahli aktif di dalam Jawatankuasa Antarabangsa untuk Museologi (ICOFOM), Majlis Muzium Antarabangsa (ICOM), yang bertanggungjawab, dari 1985, projek terminologi yang bertujuan untuk mewujudkan Perjanjian Museologi dan *Dictionarium Museologicum*². Ini memperlihatkan bahawa museologi telah berkembang dengan ketara sejak 1900, dan secara meluas sejak 1970-an, dan kini terdapat banyak sumber yang membincang mengenai Museologi yang terdiri daripada pelbagai jenis jurnal khusus dan umum, buku ilmiah, buku teks, dan manual praktikal (Simmons, 2016).

Pengembangan ilmu museologi yang meluas ini telah menjurus kepada kemunculan 'New Museology'. 'New Museology' bermula dengan niat hendak memperkenalkan falsafah baharu tentang bagaimana cara muzium itu berfungsi dan perubahan hubungan di antara institusi muzium dengan komuniti masyarakat setempat (Vikki & Clive, 2014). Menurut Helene Vollgraaff (2018), istilah ini merujuk kepada pendekatan baru untuk amalan muzium yang muncul pada akhir 1980-an. Museologi Baharu mencerminkan kesedaran yang lebih besar tentang peranan sosial dan politik muzium dan merangkumi penyertaan komuniti yang bermakna dalam amalan kuratorial. Pendekatan baharu kepada amalan muzium yang bermula pada akhir 1980-an yang menganggap peranan muzium dalam proses sosial dan politik yang lebih luas, bertujuan untuk menjadi lebih terbuka dan mudah diakses serta meletakkan pelawat di tengah-tengah penciptaan pengalaman (Lia Bassa & rakan-rakan, 2022). Ini bertujuan untuk menyediakan pengunjung dengan pengalaman muzium yang lebih partisipatif, interaktif dan

² *Dictionarium Museologicum*, adalah sebuah buku panduan yang mengandungi istilah teknikal berbilang bahasa khusus yang mempunyai kepentingan asas kepada kerja muzium, serta penggunaan ungkapan penting dalam cabang sains yang berkaitan, dan istilah umum yang juga menarik minat khusus muzium. Ia juga menyediakan sumber yang berguna untuk kerja-kerja praktikal muzium, serta penyelidikan dan latihan muziologi. Lihat Internasional Council Of Museum (ICOM). (1986). *Dictionarium Museologicum*. Budapest : Hungarian Esperanto Association. Dirujuk dari <https://archive.org/details/dictionariummuse0000unse/page/n15/mode/2up>.

menarik. Pendekatan ini bertentangan dengan pendekatan tradisional pada abad ke-17, yang memihak kepada penghantaran maklumat satu arah kepada pelawat dan penerusan wacana warisan yang dibenarkan (Meghan Claire Beevor & rakan-rakan, 2022).

Jawatankuasa Antarabangsa Museologi (ICOFOM), adalah merupakan sebuah organisasi yang bertanggungjawab untuk menyelidik, mengkaji dan menyebarkan asas teori museologi sebagai disiplin saintifik bebas, secara kritis menganalisis *trend* utama museologi kontemporari. Diasaskan pada tahun 1977, ia dianggotai oleh ahli dari semua benua yang berurusan dengan fungsi khusus berkaitan muzium dan peranan sosial muzium. Pada awal 1990-an, ICOFOM telah menyatakan misinya untuk "mewujudkan museologi sebagai disiplin saintifik". Tahun demi tahun ICOFOM menganjurkan mesyuarat saintifik dan akademik di negara yang berbeza untuk memastikan pertukaran yang ketara di kalangan profesional kami di seluruh dunia. Selain itu, ICOFOM telah mengumpulkan korpus dokumentari teori yang luas melalui satu siri penerbitan penting, Siri Kajian ICOFOM (ISS), yang sepanjang lebih daripada tiga puluh tahun pengeluaran tetap, telah menjadi koleksi bibliografi terhebat mengenai museologi setakat ini. Misi utama Jawatankuasa Antarabangsa ICOM untuk Museologi (ICOFOM) adalah bertanggungjawab untuk menyelidik, mengkaji dan menyebarkan asas teori Muzium dan Museologi berkenaan dengan pelbagai perspektif yang diwakili oleh komuniti antarabangsa ahli muzium dan pemikir muzium. Seterusnya visi ICOFOM pula adalah untuk memupuk pembangunan pengetahuan berkualiti dalam bidang muzium dan keterangkuman melalui peningkatan keahlian dan penglibatan yang pelbagai sebagai *The International Centre for Museology*, mencerminkan semua aliran museologi serantau melalui dasar tindakan yang afirmatif.

Signifikan Museologi Di Dalam Institusi Muzium

Menelusuri sejarah, institusi muzium telah mengalami perkembangan yang signifikan dan meluas sama ada dari segi konsep mahu pun pengurusan muzium. Jika secara tradisinya mereka tertumpu kepada pemuliharaan dan pemulihan koleksi artifak sahaja, kini mereka berorientasikan masyarakat, menjadi ruang pameran dan platform untuk dialog dan komunikasi secara umum bersama para pengunjung. Ali Akbar (2013), berpendapat bahawa museologi berbeza dengan arkeologi. Dalam arkeologi, penekanan utama terhadap bagaimana untuk mendapatkan objek, penemuan, dan tinggalan arkeologi lain untuk diproses dan ditafsirkan. Tafsiran ini kemudiannya boleh menghasilkan pengetahuan. Manakala museologi pula menekankan objek atau peninggalan yang telah diperolehi daripada hasil penyelidikan arkeologi. Museologi mengkaji bagaimana untuk menguruskan lagi objek ini dalam bekas yang dipanggil muzium. Oleh kerana muzium disediakan untuk orang ramai, museologi juga mengkaji pengurusan muzium dan cara berinteraksi dengan masyarakat yang lebih luas. Institusi muzium sentiasa melalui proses penambahbaikan dalam memenuhi kehendak masyarakat semasa. Misalnya, di dalam era abad ke-21 yang dikelilingi dengan pemodenan teknologi ini, institusi muzium juga perlu bergerak seiring dengan pemodenan itu. Ini memastikan agar matlamat institusi muzium itu sentiasa kekal relevan. Museologi atau juga dipanggil *Museum Studies* di beberapa negara, ialah bidang usaha akademik yang mengkaji secara kritis muzium, sejarah dan fungsinya, serta peranannya dalam masyarakat. Ia adalah bidang penyelidikan dan keserjanaan antara disiplin yang melibatkan pembangunan teori dan aplikasinya dalam amalan dalam pengurusan muzium (Latham & Simmons, 2014). Walaupun wujud tanggapan salah yang meluas, kajian muzium bukan sekadar program latihan untuk orang yang bekerja di muzium. Kerja muzium ialah satu profesion, komuniti amalan, yang

memerlukan pengetahuan dan set kemahiran khusus serta pemahaman asas teorinya (Latham & Simmons, 2019).

Menurut Simmons dan Latham (2019), kajian muzium lebih dikenali di peringkat antarabangsa sebagai museologi, ialah bidang kesarjanaan akademik antara disiplin yang mengkaji secara kritis sejarah, fungsi dan peranan muzium dalam masyarakat menggunakan teori dan analisis amalan profesional. Museologi sering disalahertikan untuk memberi tumpuan kepada amalan muzium apabila, sebenarnya, ia meneroka semua isu teoretikal dan praktikal dalam muzium dan situasi muzium. Walaupun latihan praktikal adalah penting untuk pekerja muzium, program dari aspek akademik juga perlu berusaha keseimbangan aspek teori dan praktikal museologi untuk melahirkan profesional dengan pemahaman yang mendalam tentang muzium dan kemahiran berfikir kritis. Tegas Simmons dan Latham (2019) lagi, teoretikal dan praktikal di dalam pengurusan muzium tidak boleh dilihat sebagai dua entiti yang berbeza. Walaupun ia benar bahawa amalan praktikal menjadi keutamaan dalam pengurusan kerja muzium (Simmons, 2007), tetapi teoretikal yang ada akan berperanan sebagai kritikan yang diperlukan untuk melaksanakan penambahbaikan dan panduan terhadap pengurusan muzium yang lebih baik.

Dari aspek praktikal dan gerak kerja dalam pengurusan, muzium juga perlu ada satu sistem pengurusan yang sistematik dan teratur seperti mana yang diketengahkan oleh Francis Bacon dan Steven Mulleney di dalam perenggan sebelum ini. Menurut Lynn Maranda (1986), museologi boleh difahami sebagai "bidang sains yang melibatkan teknik dan metodologi untuk pengendalian dan pemeliharaan bahan warisan,". Muzium perlu beroperasi menggunakan dasar-dasar khusus yang melibatkan fungsi muzium seperti Dasar Pemerolehan Koleksi, Polisi Penyelidikan, Teknik dan Konsep Pameran, Kaedah Pemuliharaan serta Program Pendidikan dan Perkembangan. Van Mensch mengemukakan empat perkara penting yang perlu dititikberatkan dalam pengurusan muzium iaitu Pentadbiran (kewangan, kakitangan, operasi), Pemeliharaan (pengurusan koleksi), Penyelidikan (melibatkan bidang ilmu berbeza) dan Komunikasi (pameran, pendidikan, perhubungan awam) (Soares. B. B., 2019) Museologi perlu digubal dan dijadikan panduan kepada pegawai dan kakitangan jabatan muzium. Sebuah muzium diuruskan mengikut dasar ini dan dalam struktur organisasi yang selaras dengan misi, objektif dan fungsi muzium. Tiada peraturan tegas mengenai pembentukan struktur ini tetapi ia mesti memenuhi keperluan program dan aktiviti muzium seperti Pentadbiran, Kewangan, Penerbitan, Editorial, Latihan, Pusat Rekod, Arkib, Perhubungan Awam, Pemasaran dan Teknologi Maklumat.

Struktur ini penting dan ia harus fleksibel serta boleh disesuaikan dengan keperluan dan perubahan atau pengkhususan muzium. Museologi sebagai ilmu atau pendekatan menetapkan piawaian disiplin bukan sahaja bagi mempengaruhi amalan mengumpul dan memelihara di dalam pengurusan muzium, tetapi juga secara tidak langsung mempengaruhi perspektif apa yang boleh dikumpulkan dan apa yang harus dipelihara (Maranda, 1988). Maka jika diteliti, di dalam bidang permuziuman ini dapat dikenal pasti bahawa di sebalik penjagaan artifak serta khazanah lama itu, terdapatnya satu struktur sistem pengurusan yang sistematik yang melibatkan penggunaan pelbagai kemahiran dan ilmu pengetahuan yang tinggi (Geoffrey Lewis, 2004). Sebagai contoh, elemen pendokumentasian, pengurusan pameran, penjagaan artifak, interpretasi objek dan penyampaian maklumat. Setiap satu elemen itu mempunyai proses perlaksanaan tersendiri dan disiplin ilmu yang berbeza. Dengan ini ia memperlihatkan bahawa setiap elemen pengurusan muzium memainkan peranan penting antara satu sama lagi

agar fungsi muzium sebagai institusi warisan khazanah serta pusat penyaluran ilmu pengetahuan dapat terlaksana dengan baiknya.

Dari segi aspek fungsi institusi muzium pula, apabila kita bercakap tentang muzium, ia harus dilihat dalam perspektif yang lebih luas dan umum yang menjangkau lebih daripada sekadar penyimpanan dan pameran artifak dalam bangunan. Pada dasarnya, sebuah muzium ditubuhkan untuk mendidik rakyat, memulihara dan memelihara warisan sejarah, budaya dan semula jadi dan untuk tujuan pelancongan bagi menjana ekonomi negara. Hal ini demikian kerana, muzium dianggap sebagai pemegang amanah khazanah negara yang tidak ternilai dan tidak boleh diganti dan ia juga berfungsi sebagai pusat pendidikan tidak rasmi. Sumber dan objek dalam muzium boleh menyumbang kepada pemahaman dan minat sama ada dalam sejarah, seni, sains atau persekitaran semula jadi. Selain itu, pameran di dalam muzium bukan sahaja sebagai ruangan pembelajaran dan hiburan, tetapi juga mengutarakan perhubungan politik, ideologi dan estetika yang kompleks, di mana kenyataan kuratorial turut memainkan peranan. Pada masa yang sama, museologi baru juga merupakan konsep utama untuk kelahiran museologi sebagai teori dan kajian sosial, budaya, dan seni kritikal kontemporari.

Menurut Mairesse and Desvallées (2010), *new museology* ialah satu wacana berkenaan peranan sosial dan politik di dalam muzium, menggalakkan komunikasi baharu dan gaya ekspresi baharu berbeza dari model muzium klasik yang berpusatkan koleksi seperti mana terlihat pada *The Cabinet of Curiosities* pada abad ke-17. Peranan muzium ini lebih bersifat meluas merangkumi pelbagai aspek sama ada dari segi sosial mahupun politik. Sebagai contoh, dari aspek sosial dapat dilihat menerusi pandangan Sandell (2007), menyatakan bahawa muzium telah berperanan aktif dalam menangani diskriminasi dan ketidaksetaraan dalam masyarakat. Manakala, dari aspek politik pula boleh dilihat kepada pengaruh kolonial di dalam institusi muzium. Memandangkan muzium secara sejarah dikaitkan dengan kolonialisme, dan imperialisme, ia memaparkan masa lalu yang bermasalah dari segi moral dan politik. Walaupun beberapa objek yang dipegang oleh muzium telah dibeli walaupun tidak selalu adil dan hanya untuk faedah eksklusif pengumpul (penjajah) itu sendiri. Hal ini demikian kerana sebahagian besar koleksi muzium telah diambil sebagai rampasan perang, atau sebaliknya dialihkan tanpa persetujuan orang atau komuniti yang memiliki objek dan tinggalan warisan budaya tersebut. Maka dengan itu, Museologi juga berperanan dalam menyingkirkan segala pengaruh kolonial di dalam institusi muzium. Pengaruh kolonial tersebut dapat disingkirkan melalui pelaksanaan dekolonisasi.

Pengaruh Idea Museologi dalam Institusi Muzium di Malaysia

Selaras dengan perkembangan pesat institusi muzium, pengaruh idea museologi juga turut meluas ke serata dunia termasuk di Malaysia. Institusi muzium Malaysia, menjadi ahli di dalam *International Committee for Museology* (ICOFOM) dan *International Council of Museums* (ICOM). Maka sudah pasti wujud serba sedikit pengaruh ideologi konsep Museologi yang telah dipakai dalam institusi permuziuman negara. Pengurusan muzium juga dilihat semakin sistematik dan bersifat *community oriented*. Bermisikn agar memastikan peranan muzium itu terlaksana dengan baiknya seperti mana yang dikehendaki oleh *International Committee for Museology* (ICOFOM) dan *International Council of Museums* (ICOM). Di Malaysia, Jabatan Muzium Malaysia (JMM) adalah badan utama ditubuhkan bagi memantau, memberikan panduan serta ilmu pengetahuan, kepada muzium-muzium di peringkat negeri, jabatan kerajaan dan swasta. Ia telah melahirkan sejumlah muzium di pelbagai kawasan di Malaysia dengan pelbagai tema khusus. Sebagai contoh, muzium yang tidak hanya terikat kepada koleksi artifak

berkaitan dengan tema sejarah sahaja, malah muzium boleh merangkumi skop yang lebih luas seperti berfokuskan kepada tema kesenian, sains dan teknologi, arkeologi, alam semula jadi, dan banyak lagi. Ia secara tradisinya mereka memberi tumpuan kepada pemuliharaan dan pemulihan koleksi, kini mereka menjadi ruang pameran serta platform untuk berdialog dan komunikasi secara umum bersama pengunjung (Aurel Gheorghilas & rakan-rakan, 2017).

Di peringkat awal kewujudan institusi muzium selepas negara mengecapi kemerdekaan, muzium-muzium di Malaysia terpaksa melaksanakan dekolonisasi. Menelusuri sejarah, institusi muzium di Semenanjung Malaysia dan Borneo ditubuhkan daripada pengaruh kolonial (Dellios, P., 1999). Pengaruh kolonial ini kekal bertapak di Malaysia selepas negara mengecapi kemerdekaan. Semasa penjajahan British, muzium dijadikan sebagai pusat ilmu dan kajian secara menyeluruh terhadap Semenanjung Malaysia (Tanah Melayu) dan Borneo sama ada dari aspek peradaban masyarakat ataupun penemuan kekayaan flora dan fauna. Namun hakikatnya, penubuhan muzium ketika itu adalah bertunjangkan kepada ideologi kolonialisme barat (Ahmad Farid & Rakan-rakan, 2019). Kesemua muzium telah dijadikan sebagai tempat penyimpanan koleksi objek atau artifak atas tujuan tertentu sahaja iaitu menunjukkan prestij pemilikinya (penjajah). Ini dapat dilihat ketara melalui penerapan terhadap nilai *euro-centric*, di mana falsafah ini dilihat bersifat merendahkan masyarakat bukan barat. Segala pentafsiran koleksi artifak dan kajian di muzium yang berteraskan kepada *world-view* Barat, bersifat *bias* tanpa mempedulikan kepentingan dan pandangan masyarakat tanah jajahan (Zaini & Rakan-rakan, 2022).

Ini secara tidak langsung menyebabkan suatu objek atau artifak itu hilang nilai dan makna sebenar di sebaliknya. Bagi kebanyakan masyarakat tempatan, sesuatu objek bukan sekadar spesimen saintifik atau karya seni. Ia juga mungkin merupakan pusaka keluarga, simbol pangkat dan status, bahan suci yang diperlukan untuk kepercayaan agama, dan amalan atau dokumen sejarah dan warisan masyarakat tetapi dinyahkontekstualkan oleh pengaruh kolonialisme. Maka dengan itu, usaha dalam menyingkirkan pengaruh kolonial dengan melaksanakan dekolonisasi ke atas institusi muzium Malaysia. Dengan bermotifkan agar mengembalikan semula makna asal objek atau artifak yang diperagakan di dalam muzium menerusi tafsiran dari sudut perspektif dan pengetahuan masyarakat tempatan. Abbe Museum di United States, berpendapat segala bentuk sejarah yang berlaku di peringkat tempatan sepatutnya dijelaskan oleh masyarakat tempatan itu sendiri. Terutamanya sejarah lampau yang berkaitan dengan budaya dan amalan keagamaan masyarakat tempatan.

Kini, paradigma muzium di Malaysia telah berubah dan berkembang pesat daripada kolonialisme, kini dijadikan sebagai alat untuk pembangunan bangsa (*Nation Building*) (Abu Talib Ahmad, 2015). Pameran muzium saat ini telah beralih pada isu-isu masyarakat, dengan mempersoalkan cara muzium agar dapat memberikan dampak positif terhadap negara, industri, kelas pekerja, dan segala sesuatu yang berhubungan dengan keseharian sosial masyarakat (Flora S. Kaplan, 2006). Dengan cara menyebarkan ilmu pengetahuan kepada masyarakat agar mengenali dan membentuk jati diri bangsa. Muzium mempunyai kuasa untuk mewujudkan perpaduan di peringkat sosial dan politik, tetapi juga di peringkat tempatan (Rebecca Carlsson, 2022). Muzium tempatan mampu memberikan rasa kemasyarakatan dan tempat dengan meraikan warisan kolektif, menawarkan cara terbaik untuk mengenali sejarah kawasan tertentu. Menerusi penganjuran program-program yang bersifat pendidikan dilaksanakan. Sebagai contoh, program-program seminar, pameran, lawatan, forum, dan bengkel. Kini pihak muzium juga melibatkan diri dalam aktiviti perayaan serta adat budaya kaum-kaum di

Malaysia seperti, pameran bersempena, perayaan Hari Raya Aidilfitri, Tahun Baru Cina, Pesta Cahaya (Deepavali), Gawai, Kaamatan dan sebagainya. Ia memberikan peluang kepada masyarakat untuk mengenali dan menghayati budaya masing-masing. Seiring dengan saranan dari idea Museologi untuk menjadikan muzium tersedia dan terbuka kepada pelbagai lapisan masyarakat agar menangani daripada isu diskriminasi dan ketidaksetaraan dalam masyarakat.

Buktinya kini dapat dilihat terdapat banyak muzium di Malaysia dibina bagi mewakili atau representasi sesuatu kelompok masyarakat sama ada dari aspek kaum, budaya, agama dan lain-lain. Misalnya, *Borneo Cultures Museum* yang merupakan muzium baharu dibina oleh kerajaan Sarawak pada tahun 2022. Misi dalam menjadikannya sebagai pusat pendidikan ilmu serta suatu usaha bagi memahami kekayaan warisan sejarah, budaya dan sumber alam semula jadi di negeri Sarawak. Di Sabah juga terdapat muzium yang berfokuskan kepada etnik-etnik yang terdapat di negeri itu. Selain itu, terdapat juga muzium yang berfokuskan kepada suatu kaum di Malaysia. Sebagai contoh, Muzium Baba Nyonya di Melaka yang memberi peluang kepada para pengunjung untuk mengenali dengan lebih dekat tentang budaya dan sejarah negeri Melaka terutamanya masyarakat baba dan nyonya. Muzium Bugis di Pontian, Johor, memperagakan sejarah dan sosial kaum bugis di Johor suatu ketika dahulu. Ini jelas memperlihatkan usaha muzium dijadikan sebagai medium untuk tujuan *nation building* dan pendidikan. Malaysia sebagai sebuah negara yang terdiri daripada kepelbagaian kaum, bangsa, budaya dan agama, ia amat penting sebagai satu usaha dalam menyatupadukan masyarakat.

Rumusan

Secara kesimpulannya dapat disimpulkan bahawa fahaman Museologi serba sedikit telah mempengaruhi landskap dan perkembangan institusi muzium di dunia. Museologi adalah bidang keserjanaan akademik antara disiplin yang mengkaji secara kritis sejarah, fungsi dan peranan muzium dalam masyarakat menggunakan teori dan analisis amalan profesional. Dengan kata erti yang mudah istilah museologi ini adalah merupakan satu bidang pengajian merujuk kepada institusi permuziuman sama ada dari segi teoretikal ataupun praktikal. Fahaman Museologi boleh dikatakan satu disiplin yang abad baru di mana sebahagian besarnya adalah produk intelektual abad ke-20 tetapi wujudnya idea yang mendasari istilah museologi atau *muzium studies*, sekurang-kurangnya sejak abad ke-17. Perkembangan idea museologi ini dilihat ketara muncul telah terjalin seiring dengan perkembangan awal muzium khususnya semasa fenomena *The Cabinets of Curiosities* semasa zaman Pencerahan. Kelemahan pengurusan *The Cabinets Of Curiosities*, telah menyumbang kepada kesedaran akan signifikan dampak positif institusi muzium kepada masyarakat. Menjelang abad ke-20, fahaman Museologi berkembang meluas di seluruh dunia. Museologi telah membantu meluaskan skop peranan muzium tidak hanya tertumpu hanya kepada penyimpanan dan pameran artifak dalam bangunan, malahan muzium telah menjangkau menjadi sebuah pusat untuk mendidik rakyat, memelihara dan memelihara warisan sejarah, budaya dan semula jadi. Dari aspek praktikal dan gerak kerja dalam pengurusan juga bertambah sistematik dan tersusun. Setiap elemen di dalam pengurusan muzium memainkan seperti dokumentasi, konservasi, pameran dan lain-lain, berperanan penting antara satu sama lain agar fungsi muzium sebagai institusi warisan khazanah serta pusat penyaluran ilmu pengetahuan dapat terlaksana dengan baiknya. Selain itu, Malaysia juga turut mengimplementasi fahaman Museologi ke dalam institusi muzium. Dapat dilihat menerusi perlaksanaan dekolonisasi dalam institusi muzium selepas kemerdekaan dan juga menjadikan muzium sebagai alat pembangunan bangsa (*Nation Building*) dalam menyatupadukan masyarakat yang berbilang bangsa dan budaya.

Penghargaan

Manuskrip ini diterbitkan melalui sebahagian dari dana Geran Penerbitan dari Global Academic Excellence (M) Sdn Bhd.

Rujukan

- Abbe Museum. *What is Decolonisation?* Abbe Museum Strategic Plan. Dari : <https://abbemuseum.wordpress.com/about-us/decolonization/>.
- Abu Talib Ahmad. (2015). Museums in the Northern Region of Peninsula Malaysia and Cultural Heritage. *Kemanusiaan*. 22(2). 23-45.
- Ahmad Farid, Abdullah Yusuf, Ahmad Faisal, & Rahimin Affandi. (2019). Kesedaran Muzium Baru Di Malaysia. *Jurnal Melayu Sedunia*. 2(1). Universiti Malaya. 93-111
- Amit Soni, 2004. Museology: an area of study and research, *Journal of Indian Museums*, Vol. 7. Museum Association of India.
- Aquilina, J. D. (2011). The Babelian Tale of Museology and Museography: a history in words. *Museology: International Scientific Eletronic Journal*. 6.
- Bab 2: *Landasan Teori*. Dalam: <http://lib.ui.ac.id/file?file=digital/131376-T%2027648-Museum%20%20La%20Galigo-Tinjauan%20literatur.pdf>, Diakses pada 27 Oktober 2021.
- Baharuddin Mohd Arus. (2017). *Muzium Bukan Makam Warisan Bangsa*. Utusan Borneo. Dari: <http://eprints.ums.edu.my/id/eprint/17797/1/Muzium%20bukan%20makam%20warisan%20bangsa.pdf>
- Bassa, L., Smith, M. K., & Papp-Vary, A. F. (2022). Using New Tools to Attract Visitors to Museums and Heritage Sites. *Handbook of Research on Digital Communications, Internet of Things, and the Future of Cultural Tourism*.
- Beevor, M. C., Campos, A. C., & Guerreiro, M. M. 2022. Storytelling and Experience Design in Heritage Tourism. *Global Perspectives on Strategic Storytelling in Destination Marketing*.
- British Library Board. *Cabinet of Curiosities*. Dari: <https://www.bl.uk/learning/timeline/item107648.html>, diakses pada 15 Mac 2022.
- Carlsson, R. (2022), *Why we need museums now more than ever*, Next Museum, Dari <https://www.museumnext.com/article/why-we-need-museums-now-more-than-ever/>.
- Dellios, P. (1999). *The Museum as Artifact*, Made in Malaysia, Tesis PhD, James Cook University of North Queensland,
- Dictionary.com. *Museologi*. Dari <https://www.dictionary.com/browse/museology>.
- Francis Bacon. (1873). *The Advancement of Learning*. London: Oxford University Press.
- Friedrich Waidacher. (1997). *Museology - Why, Where, When?* Seminar of Museums, Society And Museology.
- Helene Vollgraaff. (2018). Revitalising the South African Museum Sector: New Museological Trends. *Handbook of Research on Heritage Management and Preservation*.
- ICOFOM – International Committee for Museology, Museological News, Semi-Annual Bulletin of the International Committee of ICOM for Museology, n. 15, June 1992.
- Internasional Council Of Museum (ICOM). (1986). *Dictionarium Museologicum*. Budapest: Hungarian Esperanto Association
- International Committee for Museology (ICOFOM). 2010. Key Concepts of Museology. 22nd ICOM General Conference
- International Council of Museum. *Museum Definition*. Dari: <https://icom.museum/en/resources/standards-guidelines/museum-definition/>.

- Jabatan Muzium Malaysia. (2022). *Museology*. Dari <http://www.jmm.gov.my/en/museology>.
Jabatan Muzium Malaysia. (2022). *Permuziuman*. Dari <http://www.jmm.gov.my/ms/permuziuman>.
- Kalb, L. B. (2008). Nation Building and Culture Display in Malaysian Museums. *Museum Anthropology*. 21(1). 69-81.
- Latham, K. F., & Simmons, J. E. (2014). *Foundations of museum studies: Evolving systems of knowledge*. Santa Barbara, CA: Libraries Unlimited.
- Latham, K. F., & Simmons, J. E. (2019). Whither Museum Studies? *Journal of Education for Library and Information Science*. 60. 102-117.
- Lewis, G. D. (2021, March 11). *museum*. Encyclopedia Britannica. Dari <https://www.britannica.com/topic/museum-cultural-institution>.
- Lewis, Geoffrey. (2004). The Role of Museums and the Professional Code of Ethics. *Running A Museum: A Practical Handbook*. Internasional Council of Museums (ICOM). 1-16.
- Mairesse, Francois, and André Desvallées. (2010). *Key Concepts of Museology*. Internasional Council of Museums. Armand Colin.
- Maranda, L. (1986). Museology and Identity. *On Museology: Reflection From The Field*. ICOFOM Study Series, 10, 177-182.
- Maranda, L. (1988). Museology and 'Developing' Countries—Help or Manipulation. *On Museology: Reflection From The Field*. ICOFOM Study Series, 14, 175-180.
- Maroević, I. (1998). *Introduction to Museology – The European Approach* Munich, Germany: Verlag Dr. Christian Muller-Straten.
- McCall, Vikki and Gray, Clive. (2014) Museums and the 'new museology': theory, practice and organisational change. *Museum Management and Curatorship*, 29(1). 19-35
- Mohajan, H. K. (2018). Qualitative Research Methodology in Social Sciences and Related Subjects. *Journal of Economic Development, Environment and People*. 7(1). Munich Personal RePEc Archive (MPRA). 23-48.
- Mohd Azmi, Miti Fateema. (n.d.). *Muzium Sebagai Institusi Pendidikan Tidak Formal Dalam Pengajaran & Pembelajaran Subjek Sejarah*. Jabatan Muzium Malaysia. Dari: <http://www.jmm.gov.my/files/Muzium%20Sebagai%20Institusi%20Pendidikan%20Tidak%20Formal%20Dalam%20Pengajaran%20%26.pdf>
- Moleong, L. J. (2013). *Metodologi Penelitian Kualitatif*. Bandung: PT. Remaja Rosdakarya.
- Mulyana, D. (2008). *Metodologi Penelitian Kualitatif*. Bandung: Remaja Rosdakarya.
- Murphy, Oonagh (2018). "Museum Studies as Critical Praxis: Developing an Active Approach to Teaching, Research and Practice", Tate Papers No. 29.
- Murphy, Oonagh (Spring 2018). "Museum Studies as Critical Praxis: Developing an Active Approach to Teaching, Research and Practice".
- Nor Hanisah, Pengenalan Kepada Dunia Permuziuman, Jabatan Muzium Malaysia, hlm 3, Artikel dirujuk menerusi: <http://www.jmm.gov.my/files/Pengenalan%20Kepada%20Dunia%20Permuziuman.pdf>
- Peter Vergo. (1989). *New Museology*. Reaktion Books Ltd. London: United Kingdom.
- Razgon A.M. (1980). Museological provocations 1979, in *Museology – Science or just practical museum work? Museological Working Papers (MuWoP)*, 1, 11–12.
- Sandell, R. (2007). *Museums, Prejudice and the Reframing of Difference*. Oxon: Routledge.
- Simmons, J. E. (2016). *Museums: A history*. Lanham, MD: Rowman and Littlefield.
- Simmons, J. E. (2017). History of Museums. *Encyclopedia of Library and Information Sciences*. Fourth Edition. Taylor & Francis.

- Soares, B. B. (2019), *A History of Museology, Ke Authors of Museological Theory*, ICOM International Committee for Museology (ICOFOM). 148 – 163.
- Sotheby's Institute of Art. *Cabinets of Curiosities and The Origin of Collecting*. Dari: <https://www.sothebysinstitute.com/news-and-events/news/cabinets-of-curiosities-and-the-origin-of-collecting>.
- Steven Mullaney. (1995). *The Place of the Stage*. United States: University Of Michigan Press.
- WordReference Random House Learner's Dictionary of American English. *Definition of -logy*. Dari <https://www.wordreference.com/definition/-logy>.
- Worm, Ole. 1655. *Museum Wormianum*. Leiden, Netherlands: Jean Elzevir, Dari: <https://digital.sciencehistory.org/works/rv042t91s>.
- Zaini, M. S., Esa, M. S., Mokhtar, S., & Adam, S. D. S. (2022). Perkembangan Institusi Muzium Eropah Dalam Mempengaruhi Kewujudan Muzium Di Malaysia. *Journal of Tourism Hospitality and Environment Management*. 7 (29), 260-280.